



**KENYATAAN AKHBAR**  
**MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL BAGI KURSUS ASAS PEMANDU PELANCONG**  
**(BASIC DAN BRIDGING)**  
**BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Isnin, 2hb April 2018, 2.30 petang**  
**Dewan Setia Pahlawan,**  
**Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan telah mengadakan Majlis Penyampaian Sijil bagi kursus asas pemandu pelancong (*Basic* dan *Bridging*) kepada seramai 13 pemandu pelancong yang telah lulus dalam kursus tersebut bertempat di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Hadir bagi menyempurnakan penyampaian sijil-sijil berkenaan adalah Yang Mulia Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali, Timbalan Setiausaha Tetap (Pelancongan), Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Kursus - kursus ini telahpun berjaya dikendalikan secara kerjasama di antara Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan *Laksamana College of Business* sejak tahun 2016 dan telahpun menghasilkan seramai 127 orang pemandu pelancong yang berlesen. *Laksamana College of Business* telahpun dilantik oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan sebagai institusi pengajian yang menawarkan kursus - kursus tersebut.

*Tourist Guide Basic course* yang dikendalikan selama 21 hari adalah bagi pemandu pelancong untuk mendapatkan lesen sebagai pemandu pelancong sebelum melaksanakan perkhidmatan sebagai pemandu pelancong di Negara Brunei Darussalam sementara *Tourist Guide Bridging course* yang dikendalikan selama 5 hari adalah bagi pemandu pelancong yang sedia ada yang berkemahiran dan mempunyai pengalaman yang luas sebagai pemandu pelancong.

Diantara objektif utama kursus - kursus ini diadakan adalah bagi memastikan kualiti dan kompetensi setiap pemandu pelancong mengikut standard yang ditetapkan; menyelaraskan maklumat atau informasi yang disalurkan oleh setiap pemandu pelancong, membuka peluang-peluang perkerjaan yang dapat dimanfaatkan oleh penduduk tempatan; dan sebagai pra-syarat bagi permohonan Lesen Pemandu Pelancong seperti yang digariskan di dalam undang-undang yang baru iaitu, Perintah Pelancongan, 2016 yang mana membolehkan Jabatan Kemajuan Kemajuan dalam pengawalan, pemantauan dan penguatkuasaan ke atas perkhidmatan tersebut.

Sebagai kesinambungan kepada inisiatif ini, Jabatan Kemajuan Pelancongan memaklumkan bahawa *Laksamana College of Business* akan membukakan pendaftaran bagi *Tourist Guide Basic Course* yang disasarkan untuk pemandu pelancong yang masih belum mempunyai lesen sebagai pemandu pelancong. Kursus tersebut akan dikendalikan pada bulan Jun dan Oktober 2018. *Tourist Guide Basic Course* ini akan memberikan kemahiran asas praktikal dan teori dalam tatacara sebagai pemandu pelancong, pengenalan destinasi-destinasi pelancongan dan juga pengenalan industri pelancongan.



Bagi memastikan kursus ini dapat dijalankan secara meluas, Jabatan Kemajuan Pelancongan juga membuat pendekatan bersama institusi di bawah Kementerian Pendidikan untuk menawarkan kursus yang seumpamanya.

Bagi pemandu pelancong yang telah lulus kursus asas pemandu pelancong, hendaklah menghadapkan permohonan ke Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber – Sumber Utama dan Pelancongan bagi mendapatkan Lesen Pemandu Pelancong. Jika didapati mana – mana pihak persendirian mengendalikan pemanduan pelancong tanpa lesen yang sah akan dikenakan denda mengikut peraturan 21. di bawah Perintah Pelancongan, 2016 iaitu:

- i) Bagi kesalahan pertama, denda tidak melebihi \$5,000 dan ii) bagi kesalahan kedua dan seterusnya denda akan dikenakan tidak melebihi \$10,000.

- **Tamat** -